

Pesaka sedia bertemu MSN

S. Harian (M)

Oleh RAHIME YUSOF - 9 APR 1990

PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) sedia berbincang dengan Majlis Sukan Negara (MSN) dalam usaha meletakkan silat olahraga di tahap terbaik pada sebarang kejuaraan antarabangsa.

Penolong Setiausaha Pesaka, Sulaiman Sarijan, berkata pihaknya sedia bertemu Ketua Pengarah MSN, Datuk Haji Kamalul Ariffin Abdul Rahim, bagi membincangkan langkah yang perlu diambil.

Menurutnya, pihaknya akan membincangkan sama ada wajar ia mendapatkan khidmat jurulatih luar negara atau menyerapkan beberapa teknik seni bela diri lain untuk silat olahraga.

"Pesaka perlu merujuk kepada MSN demi kepentingan negara. Saya rasa Datuk Haji Kamalul Arif-

fin boleh memberi pandangan bernalas bagi membantu silat maju setanding dengan sukan lain di segi kutipan pingat," katanya.

Sulaiman berkata, pengalaman pahit pada Pesta Sukan Merdeka Brunei baru-baru ini menjadi titik mula ke arah persediaan lebih sempurna bagi skuad kebangsaan.

Katanya, Pesaka menyedari beberapa kelemahan yang perlu dibaiki tetapi ia tidak bermakna semua kelemahan itu perlu ditanggung oleh badan induk secara keseluruhan.

Menurutnya, jika Pesaka mengalih pandangan dengan mengimport jurulatih luar, ia tidak bermakna jurulatih tempatan tidak baik.

Sulaiman berkata, Pesaka akan mencari kaedah baru bagi membentuk skuad kebangsaan yang lebih kental menghadapi Kejuaraan Sedunia di Belanda,

Ogos ini.

Sementara itu, Sulaiman berkata Malaysia mendapat pujian pada Pesta Seni Mempertahankan Diri Dunia di Paris, minggu lalu kerana persembahan menarik.

Peserta negara yang membuat persembahan ialah Mohamad Faid Musa, Rosni Ahmad, Ezhar Abas, Rasol Abdul Ghani (Gayong Malaysia), Jamaluddin Jalal (Sendeng Malaysia), Lito mak Tabor, Anggok al Lato, Biji ak Basik, Lida mak Gandai (Ngajat Sarawak), Can Kin Wah dan P'ng Chye Kim (kung fu).